

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menaik taraf Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu, Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sedang dalam perancangan untuk menaiktaraf Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu. Keperluan projek ini adalah bagi memastikan kemudahan keluar masuk penumpang dan barangan melalui pintu masuk ini disediakan dengan komprehensif bagi menyokong pembukaan semula aktiviti perdagangan di Tebedu susulan daripada *Border Trade Agreement* (BTA) dan *Border Crossing Agreement* (CSA) yang akan ditandatangani oleh kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Walau bagaimanapun, keengganan Kerajaan Indonesia untukewartakan Entikong sebagai *Legal Landing Port* telah mengakibatkan penangguhan proses penandatangani Perjanjian tersebut. Sehubungan itu, proses penaiktarafan Kompleks ICQS Tebedu hanya akan dilaksanakan menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 *Rolling Plan 3* (RMK11 RP3).